

Usaha berterusan, telus banteras rasuah tarik pelaburan asing

Jeddah: Usaha berterusan dan tegas Malaysia mempromosi ketelusan dan membantaras rasuah membuka peluang yang jelas kepada negara untuk menarik pelaburan asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menemui komuniti perniagaan global dalam lawatan luar negara sejak menjawat jawatan itu pada November, berkata mereka menghargai kestabilan yang kini wujud dalam negara.

Beliau yang mengakhiri lawatan rasmi ke Arab Saudi pada Jumaat berkata, ketua industri negara berkenaan yang ditemuinya gembira dengan perkembangan di Malaysia dan berhasrat datang ke sini pada Mei bagi meninjau peluang pelaburan di sini.

Bank Pembangunan Islam, Dewan Perdagangan dan Industri Jeddah serta komuniti perniagaan Arab Saudi yang menyertai Dewan Perniagaan dan Perdagangan Kebangsaan antara yang memberikan komitmen untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

“Mereka gembira dengan perkembangan politik di Malaysia, dan ini yang mereka tunggu.

“Mereka amat mengenali Malaysia sejak 80-an dan 90-an. Namun kini mereka menunggu saat ini, apabila terdapat hala tuju kestabilan yang jelas dan komitmen bagi memastikan kemudahan menjalankan perniagaan dan negara bebas daripada rasuah dengan tumpuan diberikan kepada isu tadbir urus yang baik,” katanya pada sidang media.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia terbuka untuk berbincang mengenai pembukaan

semula Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) yang disokong kerajaan Arab Saudi, tetapi ditutup pada 2018, lebih setahun selepas ia dilancarkan oleh Raja Salman Abdulaziz Al Saud ketika lawatan baginda ke Malaysia pada Mac 2017.

Katanya, kerajaan tidak boleh membiarkan penutupan pusat seperti KSCIP dilakukan tanpa sebarang perbincangan.

“Cara penutupan dan pembatalan ini dilakukan amat membimbangkan saya.

“Mana-mana kerajaan berhak membuat keputusan, tetapi apabila ia membabitkan rakan kongsi rapat, sekurang-kurangnya perlu ada perbincangan terlebih dahulu.

“Saya menyatakan kepada kerajaan Arab Saudi dan wakil mereka pada masa lalu, Malaysia sentiasa terbuka untuk berbincang mengenai struktur dan parameter yang sesuai, jika Riyadh mahu melihat semula perkara ini,” katanya.

Keputusan kerajaan ketika itu menerima kritikan daripada badan dunia di rantau ini dan ada yang mendakwa penutupan itu akan memberi kesan kepada Malaysia, di tengah-tengah ancaman ekstremisme yang semakin meningkat dan keganasan terhadap dunia Islam.

KSCIP ditubuhkan untuk mengekang penularan fahaman ekstremisme dan militan, termasuk oleh kumpulan IS.

Penubuhannya akan meletakkan Malaysia bersama Arab Saudi di barisan hadapan dalam memerangi radikalisme dan keganasan.